

GARIS PANDUAN MEMBAWA SAMPEL BIOLOGI KELUAR DARIPADA PPUKM BAGI TUJUAN PENYELIDIKAN

- GARIS PANDUAN MEMBAWA SAMPEL BIOLOGI KELUAR DARIPADA PPUKM BAGI
TUJUAN PENYELIDIKAN**
1. Semua kerjasama penyelidikan **mesti** melibatkan penyelidik daripada PPUKM dari peringkat awal sebelum permohonan menjalankan penyelidikan dilakukan.
 2. Penglibatan penyelidik PPUKM di dalam kerjasama penyelidikan mesti memberi impak dari segi ‘authorship’ dan melibatkan pemindahan sebahagian dana penyelidikan kepada PPUKM untuk membiaya pemprosesan, penyimpanan dan penghantaran sampel.
 3. Semua penyelidikan yang melibatkan pemindahan sampel biologi keluar dari PPUKM samada ke IPTA/IPTS/badan kerajaan/syarikat swasta dalam atau luar negara perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada:
 - i. Jawatankuasa penyelidikan perubatan PPUKM dan
 - ii. Jawatankuasa etika penyelidikan UKM
 4. Penyelidikan yang dijalankan di dalam PPUKM akan diberi keutamaan untuk mendapatkan sampel biologi berbanding penyelidikan yang dijalankan di luar PPUKM.
 5. Pelajar prasiswazah/pascasiswazah dan pembantu penyelidik daripada PPUKM sahaja **dibenarkan** untuk berada di bilik pembedahan atau klinik bagi mendapatkan sampel. Pelajar prasiswazah/pascasiswazah dan pembantu penyelidik luar daripada PPUKM adalah **tidak dibenarkan** berada di bilik pembedahan atau klinik bagi mendapatkan sampel.
 6. Sampel yang akan dibawa keluar dari PPUKM hanya boleh diambil daripada :
 - I) **Biobank UMBI - PPUKM**
 - II) **Biobank Pusat Kejuruteraan Tisu**
 - III) **Jabatan Patologi / JPMD**

Setelah mendapat kelulusan jawatankuasa penyelidikan PPUKM dan jawatankuasa etika penyelidikan UKM.
 7. Penyelidik perlu menandatangi perjanjian penyelidikan dan perjanjian pemindahan bahan (*material transfer agreement, MTA*).
 8. Kajian klinikal yang dibayai oleh syarikat farmaseutikal yang melibatkan pemindahan sampel biologi untuk kajian biologi molekul dan genetik keluar daripada Fakulti Perubatan/HCTM/HPKK dikehendaki menandatangani perjanjian pemindahan bahan (MTA).